

## **BAB 5**

### **RUMUSAN DAN CADANGAN**


#### **5.0 Pendahuluan**

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur melalui bahagian Baitulmal telah menyediakan skim bantuan kepada para asnaf. Terdapat 27 jenis bantuan yang diberikan kepada para asnaf. Salah satu asnaf yang menerima agihan zakat adalah asnaf fisabilillah. Antara bantuan di bawah asnaf fisabilillah ialah Bantuan Biasiswa Insentif Khas Pelajar Cemerlang. Penerima merupakan pelajar yang melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara.

Walaupun, pelbagai tabung telah disediakan oleh kerajaan persekutuan, negeri dan swasta, bantuan biasiswa ini sebenarnya sangat signifikan untuk membantu pelajar-pelajar yang terpaksa bersaing dengan pelajar lain di luar sana untuk mendapatkan tajaan. Peluang yang diberikan oleh MAIWP ini membolehkan para penerima biasiswa ini menimba ilmu dengan sempurna dan dapat menumpukan sepenuh perhatian kepada kecemerlangan akademik. Persoalannya adakah penerima biasiswa tetap cemerlang sepanjang tempoh pengajian mereka di institusi pengajian tinggi?

## 5.1 Rumusan Pencapaian Akademik Penerima Basiswa Insentif Khas Pelajar Cemerlang.

Rajah 5.1. Pencapaian Akademik Responden Tamat Pengajian



Sumber: Soal Selidik, 2010.

Jadual 5.1. Pencapaian Akademik Responden Aktif

Semester Terkini	Tahap Kejujian/Bilangan	Tahap Lulus/Bilangan	Jumlah
7	2	3	5
6	4	1	5
5 (integrasi)	1	0	1
4	2	0	2
4 (diploma)	0	1	1
2	2	0	2
Jumlah	11	5	16

Sumber: Soal Selidik, 2010.

Pencapaian akademik penerima Basiswa Insentif Khas Pelajar Cemerlang dianalisis berdasarkan responden yang telah tamat dan yang masih aktif sebagai pelajar. Seramai 17 orang responden yang telah menamatkan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan. Secara keseluruhannya, hanya 2 orang responden yang menamatkan pengajian pada tahap cemerlang. Selebihnya 13 orang memperoleh gred kejujian dan seorang mencapai tahap lulus. Manakala bagi responden yang masih aktif sebagai pelajar, penulis membuat rumusan mengikut PNG semester terkini.

Berdasarkan analisis ini tiada seorang pun responden yang mencapai tahap cemerlang daripada 16 orang responden. Sebaliknya majoriti responden berada pada tahap kepujian yang diwakili oleh 11 orang. Manakala bilangan responden pada tahap lulus adalah seramai 5 orang.

Namun begitu, peluang untuk responden yang aktif ini untuk mencapai tahap cemerlang masih lagi terbuka kerana masih ada semester pengajian yang berbaki. Bilangan responden yang mencapai tahap lulus walaupun sedikit memberikan gambaran bagaimana pencapaian responden ini daripada semester 1 hingga semester terakhir. Pencapaian yang tidak konsisten dalam peperiksaan setiap semester memberikan kesukaran kepada responden untuk memperbaiki gred dalam semester berikutnya.

Menurut pandangan penulis, sepatutnya semua responden sekurang-kurangnya perlu mencapai tahap kepujian dan cemerlang. Ini kerana tahap lulus bermaksud responden memiliki gred 1.0-2.6 dan dianggap lemah. Dikhuatiri akan menyebabkan ada responden yang terpaksa diberhentikan kerana gagal mencapai gred yang ditetapkan. Kebolehpasaran dalam bidang pekerjaan juga perlu diambil kira. Lambakan siswazah yang ramai membuatkan peluang pekerjaan semakin sukar. Menurut kajian keberkesanan graduan KPT 2011 seramai 44,194 orang graduan belum bekerja bagi keseluruhan graduan 2011.<sup>1</sup>

Bagaimana mahu bersaing jika pencapaian akademik tidak cemerlang? Dengan berbekalkan akademik yang cemerlang mereka berpeluang untuk ditawarkan pekerjaan. Dengan adanya sumber pendapatan mereka pula yang membayar zakat dan dapat membantu orang lain pula.

---

<sup>1</sup> Laman sesawang *Kementerian Pendidikan*, dicapai 24 Jun 2012, [http://www.mohe.gov.my/portal/images/utama/penerbitan/LKPG2011/9\\_Bab%206%20%20Graduan%202011%20yang%20Belum%20Bekerja.pdf](http://www.mohe.gov.my/portal/images/utama/penerbitan/LKPG2011/9_Bab%206%20%20Graduan%202011%20yang%20Belum%20Bekerja.pdf).

## 5.2 Pencapaian Akademik Mengikut Jantina.

Jadual 5.2. Pencapaian Akademik Responden Tamat Pengajian Mengikut Jantina

Jantina	Tahap	Semester/ Bilangan/ Peratus		Jumlah
		8	6	
Lelaki	Cemerlang	1(9.1)	0(0.0)	1(5.9)
	Kepujian	4(36.4)	3(50.0)	7(41.1)
	Lulus	1(9.1)	0(0.0)	1(5.9)
Jumlah				9(52.9)
Perempuan	Cemerlang	0(0.0)	1(16.7)	1(5.9)
	Kepujian	4(36.4)	2(33.4)	6(35.3)
	Lulus	1(9.1)	0(0.0)	1(5.9)
Jumlah				8(47.1)
Jumlah Keseluruhan		11(100.0)	6(100.0)	17(100)

Sumber: Soal Selidik, 2010.

Jadual 5.3. Pencapaian Akademik Responden Aktif Mengikut Jantina

Jantina	Tahap	Semester/ Bilangan/ Peratus						Jumlah
		7	6	4	4 (Diploma)	2	5 (Integrasi)	
Lelaki	Cemerlang	0(0.0)	0(0.0)	0(0.0)	0(0.0)	0(0.0)	0(0.0)	0(0.0)
	Kepujian	2(12.4)	2(12.4)	1(6.3)	-	-	-	5(31.1)
	Lulus	3(18.7)	0(0.0)	-	-	-	-	3(18.7)
Jumlah								8(50.0)
Perempuan	Cemerlang	0(0.0)	0(0.0)	0(0.0)	0(0.0)	0(0.0)	0(0.0)	0(0.0)
	Kepujian	-	2(12.4)	1(6.3)	-	2(12.4)	1(6.3)	6(37.4)
	Lulus	-	1(6.3)	-	1(6.3)	-	-	2(12.6)
Jumlah								8(50.0)
Jumlah Keseluruhan		5(31.3)	5(31.3)	2(12.4)	1(6.3)	2(12.4)	1(6.3)	16(100.0)

Sumber: Soal Selidik, 2010.

Pencapaian akademik bagi responden yang telah menamatkan pengajian menunjukkan bahawa kedua-dua jantina berjaya mencapai tahap cemerlang iaitu responden lelaki bagi tempoh pengajian 8 semester dan responden perempuan bagi tempoh pengajian 6 semester. Bagi pencapaian akademik pada tahap kepujian, majoriti responden berada dalam kelompok tersebut.

Namun begitu, terdapat 2 orang responden yang hanya menamatkan pengajian pada tahun lulus. Masing-masing seorang responden lelaki dan perempuan yang mengikuti pengajian dalam tempoh 8 semester. Justeru, tiada perbezaan ketara dalam pencapaian akademik berdasarkan jantina kerana bilangan sampel kajian dan perbezaan jantina yang kecil. Dapatan kajian akan menunjukkan perbezaan ketara sekiranya sampel kajian lebih besar. Bilangan pelajar yang masih aktif dalam pengajian bilangan responden lelaki dan perempuan adalah sama iaitu masing-masing 8 orang. Secara keseluruhan responden perempuan menunjukkan pencapaian lebih baik berbanding responden lelaki. Seramai 6 orang daripadanya berada pada tahap kepujian berbanding 5 orang responden lelaki. Pencapaian akademik pada tahap lulus juga menunjukkan 3 orang responden lelaki berbanding 2 orang responden perempuan. Namun begitu, responden perempuan mengatasi pencapaian responden lelaki pada tahap kepujian dan lulus. Seperti juga pencapaian akademik secara keseluruhan, kedua-dua jantina masih berpeluang menonjolkan diri dalam akademik kerana kejayaan akhirnya akan ditentukan berdasarkan usaha masing-masing.

### 5.3 Pencapaian Akademik Berdasarkan Bidang Pengajian

Jadual 5.4. Pencapaian Akademik Responden Tamat Pengajian Berdasarkan Bidang Pengajian

Tahap	Bidang					Jumlah	Semester
	Pengajian Islam	Undang-undang	Perakaunan	Kejuruteraan	Bioteknologi		
Cemerlang	1(5.9)	0(0.0)	0(0.0)	0(0.0)	-	1(5.9)	8
	1(5.9)	0(0.0)	-	-	0(0.0)	1(5.9)	6
Kepujian	3(17.6)	1(5.9)	3(17.6)	1(5.9)	-	8(47.0)	8
	3(17.6)	1(5.9)	-	-	1(5.9)	5(29.4)	6
Lulus	0(0.0)	0(0.0)	1(5.9)	1(5.9)	-	2(11.8)	8
	0(0.0)	0(0.0)	-	-	0(0.0)	0(0.0)	6
Jumlah	8(47.0)	2(11.8)	4(23.5)	2(11.8)	1(5.9)	17(100.0)	

Sumber: Soal Selidik, 2010.

Jadual 5.5. Pencapaian Akademik Responden Aktif Berdasarkan Bidang Pengajian

Tahap	Bidang/ Bilangan						Jumlah	Semester Terkini PNG
	Pengajian Islam	Undang-undang	Perakamaan	Kejuruteraan	Bioteknologi	Fizik		
Kepujian	0(0.0)	1(6.3)	1(6.3)	0(0.0)	-	-	2(12.5)	7
	1(6.3)	-	0(0.0)	2(12.5)	1(6.3)	-	4(25.0)	6
	2(12.5)	-	-	-	-	-	2(12.5)	4
	-	-	-	-	-	-	-	4 (Diploma)
	1(6.3)	-	-	-	-	1(6.3)	2(12.5)	2
	-	-	1(6.3)	-	-	-	1(6.3)	5 (Integrasi)
Lulus	1(6.3)	0(0.0)	0(0.0)	2(12.5)	-	-	3(18.7)	7
	0(0.0)	-	1(6.3)	-	0(0.0)	-	1(6.3)	6
	-	-	-	-	-	-	-	4
	-	-	-	1(6.3)	-	-	1(6.3)	4 (Diploma)
	-	-	-	-	-	-	-	2
	-	-	-	-	-	-	-	5 (Integrasi)
Jumlah	5(31.2)	1(6.3)	3(18.7)	5(31.2)	1(6.3)	1(6.3)	16(100.0)	

Sumber: Soal Selidik, 2010.

Pemberian Biasiswa Insentif Khas Pelajar Cemerlang melibatkan pelbagai bidang pengajian tidak terhad kepada pelajar dalam bidang Pengajian Islam sahaja seperti dalam jadual 5.4 dan 5.5. Pencapaian akademik responden dalam bidang Pengajian Islam lebih baik berbanding bidang-bidang lain. Ini terbukti apabila dua orang responden dalam bidang ini telah berjaya mencapai tahap cemerlang. Seramai 11 orang pula mendapat kepujian dan hanya seorang yang mencapai tahap lulus. Pelajar dalam bidang-bidang lain perlu meningkatkan prestasi akademik masing-masing walaupun bilangan yang menerima biasiswa ini tidak ramai. Dengan adanya peningkatan dalam akademik ke arah lebih cemerlang akan membuka lebih banyak peluang kepada pelajar dalam bidang selain bidang Pengajian Islam untuk mendapatkan biasiswa ini.

## 5.4 Cadangan

Hasil daripada analisis berkenaan dengan pencapaian akademik penerima Biasiswa Insentif Khas Pelajar Cemerlang ini pihak Baitulmal dapat mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menambahkan bilangan graduan yang cemerlang. Menurut penulis beberapa cadangan ini perlu kerana responden yang telah tamat pengajian hanya 2 orang sahaja yang cemerlang. Antara cadangan-cadangan ialah

- a. Pihak Baitulmal memberikan surat penghargaan kepada pelajar yang mencapai gred PNGK yang cemerlang setelah mendapat salinan keputusan peperiksaan daripada pelajar. Apabila pelajar-pelajar merasakan usaha mereka dihargai secara tidak langsung dapat menaikkan semangat pelajar untuk cemerlang pada setiap semester. Selain itu, akan memberi semangat kepada pelajar-pelajar lain untuk bersaing dan terus konsisten dalam pelajaran.
- b. Pihak Baitulmal juga perlu memberikan surat amaran awal kepada pelajar yang pencapaian akademiknya tidak mencapai nilai PNGK yang ditetapkan. Amaran ini merupakan tindakan awal yang perlu diberi perhatian oleh pelajar berkenaan supaya memperbaiki tahap pencapaian akademik mereka pada semester akan datang.
- c. Sentiasa mengadakan kursus atau ceramah motivasi dan kecemerlangan secara berkala supaya pelajar dapat mempersiapkan diri dengan suasana pembelajaran di universiti. Penyesuaian diri dengan persekitaran universiti sangat penting kerana suasana pembelajaran yang berbeza dengan sekolah. Persekitaran juga boleh menjadi faktor penting yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Pelajar perlu sentiasa diberikan kefahaman tentang tanggungjawab untuk belajar dengan bersungguh-sungguh. Lebih-lebih lagi wang biasiswa ini hasil daripada wang zakat.

- d. Dalam akademik pemantauan penting untuk memastikan pelajar sentiasa fokus dalam pelajaran. Berdasarkan responden kajian, pihak Baitulmal hanya melaksanakan pemantauan akademik melalui salinan slip peperiksaan yang dihantar oleh pelajar. Pemberian wang biasiswa tetap diteruskan walaupun pelajar hanya memperoleh tahap lulus dalam peperiksaan semester. Menurut Rosbi Abd Rahman dan Sanep Ahmad (2011),<sup>2</sup> dalam kajiannya mendapati wujud perkaitan positif di antara aspek pemantauan pusat zakat dengan kejayaan perniagaan. Sekiranya dikaitkan dengan pemantauan akademik hubungan positif juga boleh berlaku. Seharusnya pemantauan tidak dilakukan secara *ad-hoc* dan mesti terancang dan sistematik. Selain pemantauan melalui slip peperiksaan, pegawai berkaitan perlu turun padang untuk bertemu sendiri dengan para pelajar. Selain itu, telefon, e-mel dan laman sosial juga boleh dimanfaatkan untuk tujuan tersebut. Responden menyedari kepentingan pemantauan Baitulmal dalam perkembangan akademik dan juga penggunaan wang akan membantu mereka sepanjang tempoh pengajian. Apabila masalah kewangan dapat diatasi mereka boleh belajar dengan lebih baik. Ini kerana masalah kewangan boleh menyebabkan pelajar hilang fokus dan motivasi yang menjejaskan pencapaian akademik mereka nanti. Kajian oleh Salasiah Hanim Hamjah et al (2011),<sup>3</sup> mendapati bahawa responden mengakui bahawa tumpuan mereka terhadap pelajaran menjadi lebih baik dengan adanya sumber kewangan yang mencukupi.
- e. Penglibatan ibu bapa dengan pihak Baitulmal hendaklah dieratkan supaya masalah pencapaian akademik ini turut mendapat perhatian ibu bapa. Ini kerana wang biasiswa yang diterima merupakan hasil bayaran zakat daripada

---

<sup>2</sup> Rosbi Abd Rahman dan Sanep Ahmad, "Strategi Pembangunan Keusahawanan Asnaf fakir dan Miskin melalui Agihan Bantuan Modal Zakat," *Jurnal Pengurusan* 33, (2011), 42-43.

<sup>3</sup> Salasiah Hanim Hamjad et al., *Methods of Increasing Learning Motivation among Students*, 145.



pembayar zakat yang mengharapkan wang ini digunakan dengan penuh hemat. Ibu bapa boleh memainkan peranan dalam memberi nasihat dan sokongan kepada anak masing-masing supaya belajar dengan bersungguh-sungguh dan tidak membazirkan wang.

## **5.5 Penutup.**

Semua penerima Biasiswa Insentif Khas Pelajar Cemerlang ini beragama Islam. Ia selaras dengan objektif kutipan dan agihan zakat itu sendiri supaya diagihkan kepada orang Islam yang layak. Salah satu golongan yang layak menerima bantuan ini ialah asnaf fisabilillah. Perluasan makna fisabilillah yang diutarakan oleh ulama silam dan kontemporari membolehkan bantuan biasiswa ini diberikan kepada pelajar yang memiliki kecemerlangan akademik seperti yang disyaratkan oleh pihak Baitulmal untuk melanjutkan pelajaran di peringkat diploma hingga PhD. Dengan adanya bantuan ini pelajar dapat memberikan komitmen yang tinggi terhadap pelajaran. Kajian ini, hanya bertujuan untuk mendapatkan maklumat pencapaian akademik penerima biasiswa ini secara deskriptif. Justeru itu, kajian berkaitan pencapaian akademik ini boleh diperluaskan kepada mengenal pasti penyebab lain yang boleh dikaitkan dengan pencapaian seperti gaya pembelajaran, sikap terhadap proses pembelajaran dan pengajaran dan konsep sendiri. Selain itu, kajian akan datang juga boleh menjadikan pelajar yang berada di luar negara sebagai subjek kajian kerana bilangan pelajarnya lebih ramai dan wang biasiswa yang diperuntukkan juga lebih banyak berbanding dengan pelajar dalam negara.